

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 26 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 19**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1522-L09091  
**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme pelaksanaan perlindungan khas kepada suri rumah atau Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini.
  
2. PN-1522-L09718  
**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah bilangan syarikat tempatan yang telah melaksanakan dan melaporkan inisiatif tadbir urus alam sekitar, sosial dan korporat (ESG) sehingga kini.
  
3. PN-1522-L09298  
**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu projek perumahan yang terbengkalai kerana perkara ini dilihat semakin serius dan menyebabkan rakyat terpaksa menanggung kerugian.
  
4. PN-1522-L09554  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam melaksanakan pendidikan pengurusan kewangan kepada anak-anak muda bagi mengelakkan mereka terjebak dengan kebangkrapan.

5. PN-1522-L09067  
**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah proaktif dan langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menghadapi gelombang cuaca panas dan kering seperti mana yang dimaklumkan sebelum ini bahawa seluruh negara dijangka mengalami cuaca panas dan kering sehingga Ogos 2023.
6. PN-1522-L09764  
**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah belia yang muflis serta apakah usaha Kerajaan bagi membendung isu ini.
7. PN-1522-L09529  
**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan kembali program pembiayaan tanpa faedah dan moratorium kepada peminjam Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang masih lagi terkesan dengan pandemik COVID-19 dan yang terbaru kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR).
8. PN-1522-L09652  
**Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha yang bakal diambil pihak Kerajaan bagi menyebarkan informasi serta kefahaman kepada rakyat mengenai konsep Malaysia Madani.
9. PN-1522-L09486  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah keputusan dari pihak Kementerian mengenai isu kekosongan jawatan guru besar dan pengetua di beberapa sekolah di kawasan Sarawak.
10. PN-1522-L09160  
**Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk mengusahakan pengeluaran beras yang banyak dari Sarawak untuk keperluan negara bagi mengelakkan kebergantungan kepada negara luar memandangkan Sarawak mempunyai kawasan tanah yang paling luas di antara negeri-negeri di Malaysia.

11. PN-1522-L09515

**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah seorang anak yang lahir kepada pasangan ibu bapa seperti mana hanya salah seorang ibu atau bapa mereka mempunyai taraf kewarganegaraan dan hanya mempunyai sijil kelahiran sebagai bukti identiti boleh daftarkan perkahwinan bersama pasangan mereka yang merupakan warganegara Malaysia. Jika tidak, apakah perancangan Kerajaan untuk menangani isu ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah reformasi dalaman yang telah dilaksanakan setakat ini yang telah menyumbang kepada peningkatan ketara kadar pemprosesan permohonan kewarganegaraan melibatkan anak angkat dan individu yang lahir sebelum merdeka.

12. PN-1522-L09458

**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dipulangkan oleh syarikat dan individu yang terlibat dalam penyelewengan Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan (Penjana Kerjaya) dan adakah wang yang dipulangkan termasuk faedah dan penalti atau hanya wang yang diselewengkan.

13. PN-1522-L09793

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan sekolah antarabangsa yang berdaftar di Malaysia; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian membuat pemantauan terhadap sukatan pelajaran yang diguna pakai dan adakah sekolah antarabangsa ini layak menerima peruntukan khas daripada Kementerian.

14. PN-1522-L09170

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan penggunaan antibiotik dalam penternakan untuk meningkatkan pertumbuhan ternakan. Adakah bahan ini akan menyebabkan ketahanan antibiotik pada manusia dan haiwan sehingga menjadi ancaman kepada kesihatan manusia.

15. PN-1522-L09332  
**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima, diluluskan, ditolak dan masih diproses di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan sejak 2019. Mengapakah proses ini memakan masa yang lama, memandangkan Jabatan Pendaftaran Negara telah menyemak dan menerima permohonan yang sudah lengkap.
  
16. PN-1522-L09804  
**Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapakah jumlah menara telekomunikasi yang telah dibina di kawasan Parlimen Sarikei sejak tahun 2022 di bawah Projek Sarawak Multimedia Authority Rural Telecommunication (SMART). Berapakah yang telah berfungsi dan berapakah yang masih dalam kekosongan.
  
17. PN-1522-L09257  
**Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah wujudnya satu sistem yang mempromosikan sokongan secara holistik kepada individu dewasa kurang upaya untuk membantu mereka mengekalkan pekerjaan mereka atau 'sustainable employment'. Adakah wujud latihan vokasional di institusi awam yang berkesan dan boleh diakses untuk golongan tersebut.
  
18. PN-1522-L09010  
**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan pembangunan yang sedang dirangka bagi menambah baik infrastruktur serta fasiliti pengajaran dan pembelajaran bagi setiap Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Negeri Sembilan bagi menjadikan setiap MRSM di negeri tersebut berdaya saing dengan MRSM berprestasi tinggi yang lain.
  
19. PN-1522-L09396  
**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kesediaan Kementerian untuk mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi meneliti amalan rasuah dan penyelewengan dalam sistem pengambilan pekerja asing di Malaysia dan apakah langkah penambahbaikan yang sedang diteliti bagi memperbaiki sistem pengambilan pekerja asing yang sedia ada.

20. PN-1522-L09226

**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komitmen Kerajaan dalam memudahkan proses mengundi seperti meluaskan sistem undi pos menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) yang akan datang bagi memudahkan pengundi. Sebagai contoh, pengundi yang bekerja di Sabah atau Sarawak yang ingin pulang untuk mengundi di Semenanjung Malaysia atau sebaliknya atas sebab tiket kapal terbang yang meningkat kepada 2 hingga 3 kali ganda menjelang PRU yang akan datang.

21. PN-1522-L09740

**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan hub serantau pusat data di dalam negara bagi memulakan infrastruktur digital yang lebih baik yang membawa kepada perkhidmatan internet berkualiti tinggi kepada semua rakyat Malaysia.

22. PN-1522-L09617

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memperkasa dan menaik taraf aset-aset keselamatan terutamanya di perairan Sabah dan Sarawak.

23. PN-1522-L09275

**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Jabatan Fizik Perubatan (Departments of Medical Physics) di dua institusi kesihatan yang terpenting dalam negara iaitu Hospital Kuala Lumpur dan Institut Kanser Negara, sedangkan jabatan ini sepatutnya telah lama diwujudkan dalam Kementerian sejak tahun 1993. Sekiranya tidak, nyatakan penjelasannya.

24. PN-1522-L09028

**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah komitmen Kerajaan untuk menjadikan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen satu realiti dan apakah garis masa yang telah ditetapkan untuk dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

25. PN-1522-L09148  
**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha-usaha bersepadu yang sedang dipergiatkan oleh Kementerian bagi mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan tumpuan di wilayah Sabah dalam menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2025 terutamanya dalam aspek ekopelancongan.
26. PN-1522-L09688  
**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan baharu terhadap Kerajaan China yang juga merupakan rakan dagang terbesar negara berkenaan pencerobohan kedaulatan dan hak persempadanan negara Malaysia supaya insiden seperti ini tidak berlaku lagi.
27. PN-1522-L09762  
**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menaikkan had umur bagi lantikan baru penjawat awam daripada umur 35 tahun kepada 40 tahun memandangkan peluang kerja yang terhad kepada ramai graduan.
28. PN-1522-L09240  
**Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah kolej swasta yang beroperasi di negara ini dan apakah strategi Kementerian bagi memastikan kesinambungan kolej-kolej tersebut terutamanya kolej yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
29. PN-1522-L09044  
**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah langkah mandatori dalam menjaga kesucian kalimah 'Allah', 'Baitullah', 'Kaabah', 'Solat' dan perkara-perkara yang menjadi asas dalam syariat Islam dipertahankan sesuai dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan majoriti rakyat yang beragama Islam.
30. PN-1522-L09661  
**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha dan kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membendung penggunaan bahasa yang tidak atau kurang santun 'unparliamentary language' dalam sidang Parlimen supaya dasar Kepimpinan Melalui Teladan dapat diamalkan untuk menjadi amalan masyarakat umum terutamanya kepada generasi muda.

31. PN-1522-L09650

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) bilakah Kerajaan akan mula melaksanakan pembinaan Pelabuhan Carey Island; dan
- (b) bagaimanakah cara pembiayaan projek ini.

32. PN-1522-L09807

**Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dan adakah Lebuhraya Pan Borneo akan siap sepenuhnya pada tahun ini.

33. PN-1522-L09204

**Datuk John Ambrose** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah persediaan Kerajaan dalam menangani bencana banjir pada akhir tahun; dan
- (b) apakah langkah-langkah pihak Kerajaan untuk mengatasi kejadian banjir kilat yang kerap kali berulang di seluruh negara.

34. PN-1522-L09183

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menangani masalah kesejahteraan guru-guru dan keluhan mereka mengenai gaji yang rendah, beban kerja yang terlalu berat, dan kurang insentif yang menarik.

35. PN-1522-L09428

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perincian, penjelasan dan adaptasi yang dilakukan oleh Kementerian melalui laporan bedah siasat ke atas prestasi terburuk negara di dalam Sukan SEA Kemboja 2023.

36. PN-1522-L09814

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah unit kapal tempur persisir Laut China Selatan (LCS) telah disiapkan dengan perbelanjaan RM6,083 billion dan apakah rasional Kerajaan menubuhkan syarikat tujuan khas (SPV) bagi mengambil alih projek yang terpalit dengan pelbagai kontroversi dan skandal yang memalukan negara.

37. PN-1522-L09272  
**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah data terkini mengenai jumlah dan peratusan latihan yang bersijil dengan piawaian melalui penajaan Kerajaan dan levi latihan yang mengambil kira fokus strategik negara ke arah Revolusi Perindustrian 4.0 dan kepentingan melengkapinya tenaga kerja kita dengan kemahiran yang diperlukan untuk masa depan, termasuk yang berkaitan dengan kecerdasan buatan (artificial intelligence).
38. PN-1522-L09109  
**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam membantu pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang tercicir daripada menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
39. PN-1522-L09097  
**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah strategik yang diambil oleh Kementerian dalam usaha melestarikan warisan seni dan budaya bagi memelihara budaya dan tradisi melalui kejelasan punca kuasa, teknologi dan inovasi.
40. PN-1522-L09631  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selain daripada mengekalkan status Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, adakah terdapat pertimbangan untuk mengubah semula Labuan sebagai zon ekonomi khas seperti Iskandar Johor.
41. PN-1522-L09363  
**Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan penguatkuasaan Kementerian bagi menangani kes-kes penderaan dan kecuaiannya oleh Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang tidak berlesen.

42. PN-1522-L09777

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang dalam akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dituntut oleh waris dan apakah cara dan kelayakan untuk waris atau individu untuk menuntut jika masa untuk menuntut itu telah tamat.

43. PN-1522-L09673

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkasakan profesion perguruan dan mengembalikan statusnya sebagai pilihan utama dalam bidang kerjaya seperti puluhan tahun sebelum ini supaya isu kekurangan guru dapat diselesaikan.

44. PN-1522-L09016

**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai syarikat yang diberi hak secara monopoli untuk menyediakan perkhidmatan bagi pihak Kerajaan dan apakah langkah lain yang dilakukan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan syarikat-syarikat ini selain ancaman untuk menghapuskan monopoli oleh syarikat-syarikat tersebut.

45. PN-1522-L09799

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah kepelbagaian padi yang diusahakan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan institut penyelidikan termasuk universiti telah berjaya dikomersialkan setelah jutaan ringgit dilaburkan untuk penyelidikan; dan
- (b) adakah produk yang dihasilkan daripada penyelidikan tersebut boleh dibeli oleh rakyat secara terbuka di pasaran dan sejauh manakah keyakinan dan keselamatan produk beras yang dihasilkan oleh Agensi Nuklear Malaysia selamat dimakan.

46. PN-1522-L09559

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah inisiatif jangka panjang oleh Kementerian dalam memastikan Malaysia bersedia sepenuhnya untuk menghadapi impak perubahan iklim dan apakah inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian secara meluas dalam memastikan rakyat turut bekerjasama secara menyeluruh dalam mengurangkan perubahan iklim.

47. PN-1522-L09139

**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Dana Monetari Asia yang dicadangkan mampu meningkatkan keupayaan negara untuk mencapai lebihan imbangan pembayaran secara konsisten di samping meningkatkan keyakinan negara-negara Asia terhadap potensi ekonomi negara dalam menawarkan peluang-peluang pelaburan yang memberikan impak positif kepada pendapatan negara.

48. PN-1522-L09404

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) apakah status kajian selama 15 bulan yang ditugaskan oleh Kementerian kepada Universiti Malaya (UM) pada tahun 2019 mengenai kandungan, pendekatan dan skop bagi mewujudkan satu akta khusus untuk warga emas di Malaysia supaya melindungi mereka daripada pengabaian dan penderaan; dan
- (b) bilakah Kementerian akan mendedahkan hasil kajian tersebut dan memulakan rundingan dan perbincangan untuk melaksanakan perlindungan sosial terhadap warga emas.

49. PN-1522-L09434

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah garis panduan dan syarat penggunaan dana yang telah diumumkan oleh YB Menteri iaitu dana berjumlah RM10,000 untuk setiap Majlis Perwakilan Pelajar UiTM. Apakah mekanisme pemantauan dalam memastikan keberkesanan impak peruntukan tersebut selari dengan objektif peruntukan dana ini diberikan.

50. PN-1522-L09334

**Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah terdapat borang kebenaran oleh ibu bapa seperti ibu bapa tidak berhak untuk mengenakan tindakan undang-undang jika berlaku kemalangan yang tidak disengajakan oleh guru-guru atau pihak sekolah.

51. PN-1522-L09705

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai strategi untuk menerapkan subjek keusahawanan di peringkat seawal Sekolah Rendah mahu pun Sekolah Menengah untuk melahirkan lebih ramai generasi usahawan dan meningkatkan lagi jumlah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini sekaligus meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) .

52. PN-1522-L09555

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah terkini yang diambil oleh Kementerian dalam menentukan hala tuju keterjaminan makanan bagi membantu petani tempatan dalam menghadapi tekanan persaingan produk pertanian import, kos input seperti baja racun/baja, dan impak perubahan cuaca.

53. PN-1522-L09640

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan prihatin terhadap keluhan majikan-majikan terutamanya daripada perusahaan-perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terbeban dengan keadaan ekonomi yang mencabar kini, dengan mempertimbangkan agar tidak menaikkan caruman KWSP majikan kepada 20 peratus.

54. PN-1522-L09125

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendirian terkini Kementerian berkaitan projek Kereta api Berkelajuan Tinggi (HSR) KL-Bangkok dan apakah status kajian yang boleh dilaksanakan projek tersebut yang dibuat sebelum ini.

55. PN-1522-L09216

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah pelajar B40 dan pelajar berkeperluan yang tidak mendapat kolej kediaman dan tidak mampu untuk menanggung kos sewaan rumah yang tinggi di luar kampus.

56. PN-1522-L09595

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bayaran royalti oleh PETRONAS kepada wilayah Sabah dan Sarawak bermula dari tahun 2020 sehingga kini.

57. PN-1522-L09121

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah penangguhan pelaksanaan cukai jualan ke atas barangan import bernilai rendah (LVG) dan apakah perluasan skop kenaan cukai iaitu bagi barang bernilai RM500 ke bawah yang dijual secara dalam talian oleh peniaga dari luar negara dan diimport ke Malaysia ini akan diperincikan semula.

58. PN-1522-L09179  
**Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian ke atas projek-projek sakit yang melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh negara.
59. PN-1522-L09521  
**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rasional di sebalik kekurangan Sekolah Menengah yang menawarkan Program DwiBahasa di Johor yang mengakibatkan ramai pelajar mengambil subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu selepas 6 tahun belajar kedua-dua subjek tersebut dalam Bahasa Inggeris di peringkat Sekolah Rendah.
60. PN-1522-L09499  
**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah segera Kementerian untuk mengatasi kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi di luar bandar dan di kawasan FELDA.
61. PN-1522-L09579  
**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme dan rancangan Kerajaan untuk melaksanakan pemberian subsidi bersasar kepada rakyat seperti yang telah diumumkan sebelum ini.
62. PN-1522-L09744  
**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Lebuhraya Pantai Timur 3 dari Gemuruh, Terengganu ke Pengkalan Kubor, Tumpat akan dimulakan dan dijangka siap.
63. PN-1522-L09106  
**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) termasuk pencapaian bagi program Kembara Perpaduan Malaysia Madani yang telah diperuntukkan jutaan ringgit dalam menggalakkan perpaduan dan integrasi sosial dalam kalangan masyarakat.
64. PN-1522-L09787  
**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah penerima bantuan dalam Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) mengikut negeri dan wilayah setiap tahun bermula dari tahun 2017 hingga kini.

65. PN-1522-L09317

**Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan fasiliti jagaan harian (day care center) bagi tujuan menjaga warga emas yang memerlukan penjagaan semasa ahli keluarga mereka bekerja.

66. PN-1522-L09398

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) impak dan sejauh manakah pelaksanaan pemanjangan waktu operasi selepas waktu pejabat di Klinik Kesihatan dapat mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan Hospital; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian memastikan tenaga kerjanya tidak dibebankan dengan pelaksanaan ini.

67. PN-1522-L09442

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan gangguan rel dapat dibendung. Apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan semua rel dalam keadaan baik lebih-lebih lagi dengan cabaran fenomena perubahan iklim, contohnya, banjir dan gelombang haba yang semakin tidak menentu.

68. PN-1522-L09034

**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kewajaran syarikat tujuan khas (SPV) milik penuh Khazanah Nasional Berhad iaitu Granatum Ventures Sdn Bhd menjual Iskandar Malaysia Studios kepada sebuah syarikat di Singapura iaitu Studio Management Services Sdn Bhd (SMS).

69. PN-1522-L09193

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membangunkan Jalan Raya Persekutuan yang baharu terutama di daerah yang sedang berkembang agar dapat membantu meningkatkan kebolehcapaian dan mobilisasi di seluruh negeri serta mendukung pertumbuhan ekonomi.

70. PN-1522-L09353  
**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah hubungan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi pembinaan jaringan pengangkutan di Pulau Pinang termasuklah kos perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang bernilai RM10 bilion bagi projek tambatan laut dan pembangunan pulau buatan di Pulau Pinang.
71. PN-1522-L09469  
**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan berkenaan isu penurunan kuasa kesihatan dari Kerajaan Persekutuan kepada Jabatan Kesihatan Kerajaan Sarawak. Apakah cabaran dan isu berbangkit daripada penurunan kuasa tersebut.
72. PN-1522-L09142  
**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah permohonan bagi penangguhan bayaran semula pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah diluluskan setakat 31 Mei 2023 dan apakah bentuk pemudah cara yang disediakan oleh PTPTN bagi menggalakkan peminjam berstatus penganggur bermusim untuk melakukan bayaran semula secara berterusan.
73. PN-1522-L09715  
**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah ejen pelancongan yang terlibat dalam kes penipuan pakej haji dan umrah setakat ini. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam membanteras aktiviti ini.
74. PN-1522-L09268  
**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian mengemaskini senarai sekolah perubatan yang diiktiraf di bawah Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971 dengan mengambil kira kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian bahawa pegawai perubatan yang belajar di luar negara tidak menepati tahap piawaian dan kualiti pendidikan.
75. PN-1522-L09733  
**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah proses penggubalan Akta Jerebu Rentas Sempadan di Malaysia berikutan negara sering kali dilanda masalah jerebu dari negara jiran.

76. PN-1522-L09304

**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan masih berhasrat untuk meneruskan idea insentif bantuan mobiliti kepada pencari kerja yang bermastautin di luar negeri di bawah kendalian Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan adakah terdapat cadangan penambahbaikan yang akan dilaksanakan mengenainya.

77. PN-1522-L09061

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar kemalangan maut yang melibatkan Jalan Raya Persekutuan di Negeri Sembilan bermula dari bulan April sehingga Mei yang lalu dan apakah strategi yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan risiko kemalangan ketika musim kemuncak terutamanya di jalan-jalan luar bandar di negeri tersebut.

78. PN-1522-L09359

**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar terutama kegiatan membuli yang kini kian berleluasa.

79. PN-1522-L09680

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status terkini keseluruhan Projek Loji Rawatan Air oleh Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) di Merbau Chondong, Machang dan sejak bilakah kerja naik taraf dimulakan dan apakah masalah utama yang menyebabkan kelewatan tersebut.

80. PN-1522-L09022

**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia berketurunan Siam atau Thai yang mempunyai keterangan bapa dalam sijil lahir sebagai 'tiada maklumat' atau 'tidak diketahui' kerana ibu bapa gagal mendaftarkan perkahwinan, mengikut negeri. Adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan hukuman atau denda yang lebih berat ke atas mereka yang gagal untuk mendaftarkan perkahwinan bagi meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap nafkah dan kebajikan anak seperti bayaran kos sara hidup dan persekolahan.

81. PN-1522-L09480  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengembangkan Ruang Daya Cipta (RDC) sebagai program bersepadu dalam membudayakan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat dan bagaimanakah Kerajaan akan mengawal selia program ini secara menyeluruh tanpa ada golongan yang tercicir.
82. PN-1522-L09609  
**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perincian kaedah pelaksanaan subsidi bersasar bagi elektrik kediaman dan petrol kenderaan yang akan menggunakan Pangkalan Data Utama (PADU) menjelang hujung tahun 2023.
83. PN-1522-L09235  
**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam memastikan rakyat benar-benar mampu untuk memiliki hartanah bagi mengelakkan hartanah yang tidak terjual semakin meningkat.
84. PN-1522-L09103  
**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan kenaikan harga barang dan kos sara hidup secara tidak langsung memberi impak kepada kadar inflasi negara. Apakah mekanisme Kementerian dalam mengawal harga makanan dan inisiatif segera yang dapat dilakukan bagi menurunkan kos sara hidup rakyat.
85. PN-1522-L09565  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Malaysia akan mengambil pendekatan dengan menyertai beberapa buah negara yang akan mengetepikan dominasi Dolar Amerika Syarikat (USD) dalam urusan perdagangan antarabangsa.
86. PN-1522-L09313  
**Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberi tajaan penuh kepada pelajar yang layak untuk menyambung pengajian ke tahap Ijazah Sarjana (Master) dan Doktor Falsafah (PhD) untuk golongan sasaran OKU berkategori B40 dan M40 bagi membolehkan golongan sasaran ini mampu menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan kemajuan negara.

87. PN-1522-L09447

**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat rancangan dari pihak Kerajaan untuk menambat mata wang Ringgit Malaysia kepada mata wang USD seperti yang dilakukan pada akhir tahun 1990an.

88. PN-1522-L09510

**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah peratus pencapaian pelan tindakan di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) sehingga April 2023 dan impak pelaksanaan pelan tindakan ini kepada petani, penternak dan nelayan; dan
- (b) apakah kaedah pemantauan yang diadaptasi untuk mengawal selia pelaksanaan pelan tindakan di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan apakah perbezaan di antara pelan tindakan ini dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara.

89. PN-1522-L09263

**Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah dari 909 orang Penolong Pegawai Perubatan lepasan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang telah dilantik secara kontrak untuk membantu negara membendung pandemik COVID-19 dan kini ditawarkan kontrak sambungan atau diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam secara tetap.

90. PN-1522-L09586

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah hasil siasatan atas kecuaiian Pengurusan Lembangan Sungai Muda (PLSM) mengendalikan kerosakan mekanikal sensor automatik pada pintu baraj Sungai Muda baru-baru ini.

91. PN-1522-L09602

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan sasaran penghasilan sumber dan produk makanan yang mencukupi di dalam negara tanpa terlalu bergantung kepada hasil import.

92. PN-1522-L09115  
**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengembalikan pilihan raya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya pemilihan wakil-wakil Kerajaan tempatan dapat dikembalikan kepada rakyat jelata.
93. PN-1522-L09536  
**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah amalan kebebasan media (freedom of the press) yang dipraktikkan di Malaysia dalam mengawal penyebaran bahan-bahan yang mampu menggugat ketenteraman awam dan berapakah jumlah akaun media sosial yang telah disekat disebabkan oleh perkara tersebut.
94. PN-1522-L09589  
**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah bentuk tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang boleh dilakukan oleh Kementerian dalam pengurusan dan penyelarasan terhadap pokok-pokok berisiko tinggi yang berada di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutamanya pada musim hujan dan ribut serta nyatakan statistik dan lokasi yang mempunyai pokok-pokok warisan yang dipelihara di bawah penyeliaan Kementerian.
95. PN-1522-L09474  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) bilangan statistik dan status sekolah daif yang ada di seluruh negara khususnya di Sarawak; dan
  - (b) apakah tindakan dari pihak Kementerian dalam memastikan sekolah daif ini dapat diselenggara dengan lebih berkesan dan pemilihan kontraktor penyelenggaraan harus didedahkan supaya tidak ada penyalahgunaan tata kelola.
96. PN-1522-L09759  
**Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memulih dan membaik semula Taman Rekreasi Sebangkoi, Sarikei yang sebelumnya merupakan tempat pelancongan yang terkenal dengan hutan lipur yang mempunyai flora dan fauna yang unik namun taman tersebut kini telah lama diabaikan.

97. PN-1522-L09366

**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan kualiti dan keselamatan rumah-rumah mampu milik yang dibina oleh Kementerian seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) agar tidak menyusahkan pembeli bukan sahaja selepas tempoh 'Defect Liability Period' (DLP) tetapi juga di dalam tempoh DLP selama 24 bulan.

98. PN-1522-L09080

**Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah mekanisme penyerahan pengurusan Ladang Tanaman Semula Komersial (TSK) untuk Orang Asli di negeri Pahang daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) kepada syarikat Kerajaan negeri iaitu Pahang Orang Asli Corporation (ORACO) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2022 yang lalu.

99. PN-1522-L09820

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan Islam dalam konteks peningkatan fahaman politik yang radikal dengan mengeksploitasikan sentimen Islam dan kaum.

100. PN-1522-L09050

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah setiap projek perumahan Kerajaan dan swasta diwajibkan untuk menyediakan satu lot kawasan untuk dijadikan surau.

101. PN-1522-L09706

**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan perancangan penstrukturan semula PERKESO bagi memastikan golongan warga emas tetap dilindungi walaupun selepas persaraan.

102. PN-1522-L09420

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang pendekatan dalam mengembalikan program biasiswa MyBrain kepada pelajar Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Apakah pelan tindakan termasuk alternatif yang telah diambil oleh Kementerian.

103. PN-1522-L09337

**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah kawalan dan penguatkuasaan bagi menangani keberadaan ramai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini.

104. PN-1522-L09698

**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) apakah takrifan dan data untuk anak tidak sah taraf di Malaysia menurut pecahan kaum yang berpunca daripada zina bermula dari tahun 2013 hingga 2023 serta apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membendungnya; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan pendokumentasian anak susuan dapat dilaksanakan bagi mengurangkan isu perkahwinan antara saudara sesuan berulang.

105. PN-1522-L09319

**Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendidikan vokasional telah mengatasi subjek-subjek sektor profesional sehingga golongan sasaran Orang Kurang Upaya (OKU) mempunyai peratusan terendah dalam sektor korporat. Bagaimanakah Kementerian akan mengatasi masalah ini untuk membantu golongan OKU dalam pendidikan profesional.

106. PN-1522-L09086

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapakah peratusan capaian rangkaian 5G serta berapakah jumlah tapak 5G yang telah siap dibangunkan di seluruh negara setakat Mei 2023 dan apakah kekangan utama yang mengganggu usaha pihak Kementerian menyediakan infrastruktur untuk mengatasi masalah capaian internet khususnya di kawasan pedalaman.

107. PN-1522-L09624

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang penubuhan terminal feri roll-on/roll-off (RORO) baru di Tanjung Aru, Labuan menghubungkan dengan Mempakul, Sabah diambil sebagai pelan alternatif yang dipertimbangkan untuk meningkatkan sambungan Wilayah Persekutuan Labuan.

108. PN-1522-L09675

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah tindakan lain selain kompaun yang akan diambil terhadap syarikat telekomunikasi yang masih mempunyai gangguan panggilan telefon.

109. PN-1522-L09454

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan terdapat penyelarasan mekanisme aduan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat swasta untuk perkhidmatan mereka. Bagaimanakah Kementerian memastikan hak pengguna terjaga dengan menjamin tahap kualiti mekanisme aduan tersebut.

110. PN-1522-L09544

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah mekanisme Kementerian yang ingin dilaksanakan untuk mempromosi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Institusi Pengajian Tinggi bagi menarik minat pelbagai kaum untuk menyertai ATM.

111. PN-1522-L09244

**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah peratusan kerja-kerja pembinaan Projek Pan Borneo di kawasan wilayah Sabah setakat ini dan apakah masalah yang menyebabkan kelewatan tersebut berbanding di wilayah Sarawak yang cepat dilaksanakan.

112. PN-1522-L09210

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf perkhidmatan Jabatan Kecemasan, Jabatan Farmasi dan Klinik Pakar dan Hospital Kerajaan khususnya di kawasan yang berkepadatan tinggi yang mana pesakit terpaksa mengambil masa yang lama untuk menerima sesuatu rawatan khususnya di Sabah.

113. PN-1522-L09419

**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah senarai negara yang membekal pekerja asing dan berapakah jumlah kemasukan dari setiap negara. Apakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing khususnya dalam industri pembinaan dan kelapa sawit.

114. PN-1522-L09223

**Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian bagi tujuan penilaian kualiti pengajaran guru untuk memastikan pembelajaran sentiasa berada pada tahap yang memuaskan.

115. PN-1522-L09758

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan drastik yang telah diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menangani kesesakan lalu lintas di ibu kota yang semakin serius akibat pertambahan kenderaan dari tahun ke tahun.

116. PN-1522-L09493

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang dan sederhana untuk menoktahkan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

117. PN-1522-L09412

**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mempertahankan harga sawit yang sedia ada agar tidak jatuh ke tahap yang rendah seperti mana dua atau tiga tahun yang lepas.

118. PN-1522-L09780

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah intervensi antara Kementerian bagi mengelakkan remaja bergantung kepada ekonomi gig dan apakah langkah untuk membuka ruang kepada remaja mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

119. PN-1522-L09131

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan menyatakan:- :-

- (a) jumlah pelabur yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) sejak 2021 serta berapakah jumlah yang telah diluluskan, direalisasikan dan terbatal; dan

- (b) apakah perancangan Kementerian untuk memastikan setiap pelabur dari luar negara yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) itu dapat direalisasikan.

120. PN-1522-L09251

**Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan dan jumlah peralatan perubatan yang dimohon oleh hospital-hospital dan klinik-klinik di bawah Kementerian untuk menggantikan peralatan yang usang tetapi belum diluluskan peruntukan. Apakah strategi untuk mengatasi isu ini.

121. PN-1522-L09292

**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian berikutan kegagalan Malaysia mencapai sasaran 40 pingat emas di temasya Sukan SEA 2023.

122. PN-1522-L09505

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengembalikan Program Sarapan Percuma yang dihentikan pada tahun 2022 khususnya di sekolah yang mempunyai ramai pelajar B40 dan pelajar Orang Asli.

123. PN-1522-L09307

**Tuan Isayah A/L D Jacob** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan golongan sasaran OKU yang layak dan telah diluluskan permohonan bagi mendapatkan perumahan KPKT.

124. PN-1522-L09073

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi mengawal kemasukan sayur-sayuran import yang merupakan pesaing utama terhadap sayuran tempatan yang menjadi kebimbangan para petani.

125. PN-1522-L09378

**Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi membangunkan sektor pelancongan di negeri Perlis dan adakah terdapat sebarang peruntukan khusus bagi melaksanakannya.

126. PN-1522-L09348

**Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah persediaan yang diambil oleh Kementerian untuk menghadapi serangan pandemik COVID-19 atau apa-apa bentuk serangan kesihatan pada masa hadapan.

127. PN-1522-L09464

**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah objektif penubuhan sekolah-sekolah sukan di negara ini masih memainkan peranan seperti yang diharapkan dalam menghasilkan atlet-atlet bertaraf dunia untuk mewakili negara.

128. PN-1522-L09618

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan semula agensi-agensi yang bertindih bidang tugas dan tanggungjawab sebagai usaha mengatasi isu pertindihan pembiayaan yang merugikan Kerajaan.

129. PN-1522-L09637

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian susulan kes kecurian nadir bumi di Sik, Kedah dan Kampung Sikai, Seri Meranti, Kuala Pilah. Apakah perancangan Kementerian dalam usaha membangunkan penggalian nadir bumi yang berharga ini.

130. PN-1522-L09725

**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah bilangan pembinaan projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) terutamanya di Lembah Klang yang mempunyai kepadatan penduduk yang tertinggi dalam negara.

131. PN-1522-L09055

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah aspek-aspek pembangunan yang sedang ditumpukan bagi meningkatkan capaian rakyat luar bandar di Negeri Sembilan kepada perkhidmatan pemeriksaan serta rawatan kesihatan bagi penyakit-penyakit bukan berjangkit sejajar dengan peningkatan sebanyak RM 6.474 juta untuk Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar bagi tahun 2023 berbanding tahun lepas.

132. PN-1522-L09169

**Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perincian peruntukan yang telah digunakan untuk membina jalan raya Bintulu ke Bakun dan kos tahunan untuk menyelenggara jalan tersebut sejak ia dibina sehingga kini.

133. PN-1522-L09571

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah rasional Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani bersama YAB Perdana Menteri melibatkan enam buah negeri dan nyatakan jumlah keseluruhan yang dibelanjakan untuk program tersebut mengikut negeri-negeri terbabit.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

### 1. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :-

**"Bahawa** Dewan ini memahami akan perlunya satu dasar reformasi sistem kesihatan Negara melalui Kertas Putih Kesihatan, bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat supaya ia relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

**Bahawa** Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk membina sebuah Negara yang sihat, di mana ekosistem kondusif diwujudkan supaya sistem kesihatan berdaya tahan serta mampan untk jangka masa panjang melalui Kertas Putih Kesihatan.

**Bahawa** Dewan ini menyokong bagi memastikan usaha reformasi ini kalis masa hadapan dan tidak terkesan dengan situasi politik mahupun perubahan pentadbiran Negara.

**Bahawa** Dewan ini meluluskan dan merestui dasar dan usaha yang komprehensif dan menyeluruh seperti yang diperkenalkan dalam Kertas Putih Kesihatan, dengan komitmen semua pihak berkepentingan sejajar dengan pendekatan Keseluruhan Negara (Whole of Nation) untuk sama-sama memikul tanggungjawab kesihatan sebagai satu usaha nasional.

**Bahawa** Dewan ini merestui dan mengesahkan Kertas Putih Kesihatan supaya menjadi hala tuju reformasi sistem kesihatan Negara untuk tempoh 15 tahun akan datang seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 29 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan di Dewan Negara pada Rabu, 21 Jun 2023."

**[ Menteri Kesihatan ]**

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan;-

“**Menyedari** bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Audit merupakan *oversight* agensi kepada Parlimen yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang eksekutif. Ketua Audit Negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubungan dengannya dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap keekonomian dan mengelakkan pembaziran atau keborosan seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [Akta 62].

**Menyedari** akan cabaran yang dihadapi oleh Ketua Audit Negara dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam LKAN dilaksanakan dengan berkesan.

**Menyedari** bahawa LKAN telah dibentangkan di Dewan Negara pada Selasa, 21 Mac 2023 terdiri daripada:

- i. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan;
- ii. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan
- iii. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

**Memahami** bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti Kerajaan dan syarikat Kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan dan agensi yang diaudit.

**Memperakui** bahawa Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN, dan YAB Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan agar Menteri terlibat meneliti isu dibangkitkan. Segala isu yang melibatkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil pengajaran (*lessons learnt*) supaya tidak berulang dalam pelaksanaan aktiviti/program/projek akan datang.

**Bahawa** dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar dapatan Audit dan syor yang terkandung dalam laporan tersebut dapat diambil tindakan serius oleh pihak terlibat untuk mengatasi kelemahan yang ditemui dan seterusnya mengelakkan ketirisan wang awam daripada terus berlaku.”

[ **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** ]